

Headline **KAYU AKASIA sesuai untuk perabot**
Date **25 Aug 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **V6**
Article Size **537 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **23,658**
PRValue **70,974**



PERABOT
ciptaan Izzati
menggunakan
kayu akasia.

KAYU AKASIA

sesuai untuk perabot

Oleh **Khairina Yasin**
kayrina@bharian.com.my

PENGGUNAAN kayu jati atau getah cukup sinonim dengan industri pembuatan perabot kerana ia mempunyai ciri ketahanan yang tinggi, lasak dan mudah dijaga. Permintaan tinggi terhadap spesies kayu itu menjadikannya sebagai komponen utama yang menyumbang kepada perkembangan industri perabot negara.

Namun, kebergantungan terhadap sumber kayu berkenaan membimbangkan banyak pihak kerana ia boleh menyebabkan bekalan semakin berkurangan jika tiada tindakan diambil menanganinya termasuk mencari sumber kayu alternatif yang berpotensi.

Peka dengan senario itu, mahasiswa Kuliyyah Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Izzati Mazlan tampil dalam membantu usaha pihak yang terbabit dalam industri perabot mempelbagaikan sumber penggunaan kayu industri berkenaan.

Headline	KAYU AKASIA sesuai untuk perabot	Language	Malay
Date	25 Aug 2011	Page No	V6
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	537 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	23,658
Frequency	Daily	PRValue	70,974
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		

Menggunakan kayu pokok akasia atau nama saintifiknya *Acacia auriculiformis* sebagai sumber kayu bagi penghasilan perabot, inovasi Izzati itu disifatkan sebagai +satu pembaharuan dalam industri perabot sekali gus mempelbagaikan cita rasa dan pilihan pengguna yang inginkan kelainan.

Izzati berkata, akasia ialah sejenis pokok dalam genus *Acacia* yang malar hijau yang tumbuh di Asia dan ia dikatakan banyak terdapat di hutan sekitar negeri Pahang.

Keunikan pokok itu katanya, ia mudah membiak dan mampu bertahan di kawasan terbuka selain memiliki daya kelangsungan hidup yang tinggi sehingga mampu meminggirkan tumbuhan semula jadi di negara ini.

"Jika dikaji, penggunaan kayu getah atau jati cukup popular dalam industri pembuatan perabot, tetapi tidak bagi kayu akasia. Ia kebanyakannya digunakan sebagai pokok hiasan di tepi jalan atau dibangunkan sebagai sebahagian produk berasaskan kimia mahupun kertas.

"Namun pengalaman menjalani latihan praktikal di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) membuka mata saya apabila salah seorang penyelidik institut berkenaan mencadangkan kepada saya agar menentengahkan kayu pokok akasia sebagai sebahagian sumber kayu untuk industri pembuatan perabot," katanya.

Berdasarkan kajian penyelidikan FRIM, beliau menjelaskan, kayu

akasia dikategorikan sebagai kayu jenis ringan dan ia amat sesuai dibangunkan untuk perabot dalaman seperti meja makan atau ruang tamu.

Mengambil kira ciri berkenaan, katanya, beliau tampil dengan idea perabot bercirikan moden kontemporari dan rileks yang sesuai diaplikasikan di bahagian ruang tamu dengan mensasarkan generasi pertengahan sebagai kelompok sasaran pengguna.

"Perabot ini amat ringkas dan ia dibangunkan daripada perkataan akasia itu sendiri. Ia mempunyai ciri mudah alih dengan pelbagai fungsi. Contohnya stool yang dibangunkan bukan saja boleh dijadikan tempat duduk, malah boleh diubah menjadi meja sisi.

"Setakat ini, perabot daripada kayu akasia hanya sesuai untuk perabot dalaman, bukan luaran. Mungkin perlu penyelidikan susulan untuk diperluas pada masa depan," katanya.

Izzati turut mengharapkan sokongan pelbagai pihak penting bagi menentengahkan dan mempopularkan kayu akasia dalam industri perabot memandangkan masih ramai yang belum menyedari kehadiran spesies pokok berkenaan.

Mengakui sebelum ini pokok itu dilihat tidak begitu ekonomi bagi memenuhi keperluan industri perabot, namun beliau yakin apa yang dibangunkannya mampu membuka mata ramai pihak terhadap spesies pokok yang

produktif ini.

"Siapa tahu mungkin suatu hari nanti, ia (akasia) mampu menghasilkan perabot bermutu tinggi yang dipercayai lebih berkualiti daripada produk yang diperbuat daripada bahan kayu sedia ada di pasaran dan mampu menjadi produk yang bakal menjana ekonomi negara pada masa depan jika diketengahkan.

"Apatah lagi ia sangat produktif kerana sifat pokok itu yang mampu tumbuh dengan cepat dan mampu menghasilkan kuantiti gentian dan kayu yang banyak," katanya.



Izzati Mazlan